

ASEAN perlu teguh bersatu - Abdullah

KUALA LUMPUR 3 Okt. - Negara-negara ASEAN perlu teguh bersatu dalam menjalinkan hubungan kerjasama dengan negara kuasa besar dunia agar dapat membawa kemajuan ekonomi dan mengekalkan keamanan di rantau ini.

Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi berkata, ASEAN yang ditubuhkan sejak tahun 1967 terbukti perannya dalam melindungi kestabilan Asia Tenggara serta membentuk rangkaian kerjasama dalam kalangan negara-negara anggotanya.

Katanya, pengaruh ASEAN sememangnya dapat dilihat menerusi dialog yang dijayakannya bersama pelbagai negara termasuk China, Amerika Syarikat, India, Jepun, Korea Selatan dan Kesatuan Eropah (EU).

"Tahun 2015 adalah amat penting untuk sejarah ASEAN dan masa hadapannya kerana pada akhir tahun ini kita akan melancarkan Komuniti ASEAN 2015.

"Ini adalah permulaan yang amat baik untuk semua negara ASEAN saling bersatu demi pembangunan dan kepentingan rakyat setiap negara," katanya dalam

ucapan perasmian Forum Meja Bulat ASEAN mengenai Komuniti ASEAN 2015 dan Masa Hadapan di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR) di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Eksekutif Yayasan ASEAN, Elaine Tan; Pemangku Ketua Pengarah IDFR, Norani Ibrahim; Timbalan Pengerusi Kumpulan Kajian Dasar Luar (FPSG), Datuk Mohd. Redzuan Kushairi dan Naib Pengerusi FPSG, Tan Sri Mohd. Radzi Abdul Rahman.

Forum anjuran Yayasan ASEAN itu merupakan aktiviti kumpulan kajian polisi luar yang menghimpunkan peserta daripada setiap negara ASEAN dan Jepun serta melibatkan pelbagai latar belakang termasuk diplomat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta golongan pelajar.

Forum dua hari itu membincangkan pelbagai topik termasuk politik, keselamatan, ekonomi, kemasyarakatan, pendidikan, pemerkasaan wanita, media sosial, kebebasan bersuara, masalah jurang pendapatan, penyelesaian pertelagahan tuntutan, penyeludupan manusia dan konflik tuntutan Laut China Selatan.



ABDULLAH AHMAD BADAWI (kiri) bersama Mohd. Redzuan Kushairi (kanan) dan Mohd. Radzi Abdul Rahman (tengah) dalam Forum Meja Bulat ASEAN mengenai Komuniti ASEAN 2015 dan Masa Hadapan di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR), Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA